PERIBAHASA BERTEMAKAN SUKAN DAN REKREASI

LATIHAN 1

Suai padankan peribahasa yang berikut dengan maksud peribahasa yang telah diberikan.

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	***Bagai aur dengan tebing***
Alah bisa tegal biasa	***Malang tidak berbau***
Bulan jatuh di ribaannya	***Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih***
Sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi	***Badan sihat otak cerdas***
Tulang belakang / Ayam tambatan	***Niat hati nak peluk gunung, apa daya tangan tak***

(a) _____
Maksud : Orang harapan dalam sesuatu pasukan.

(b) _____
Maksud : Setelah mendapat barang yang lebih baik, barang yang lama dibuang / diketepikan.

(c) _____
Maksud : Tolong-menolong antara satu dengan yang lain.

(d) _____
Maksud : Beruntung besar.

(e) _____
Maksud : Ingin akan sesuatu yang besar tetapi tidak berdaya untuk mencapainya kerana kekurangan alat.

(f) _____
Maksud : Apabila telah biasa melakukannya, maka tiada terasa lagi kesukarannya.

(g) _____
Maksud : Adat yang tidak berubah atau sesuatu yang tetap utuh.

(h) _____
Maksud : Tiap-tiap kemahuan, tentu ada jalan.

(i) _____
Maksud : Kesihatan yang baik membolehkan kita melahirkan idea yang bernas.

(j) _____
Maksud : Kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya.

LIVEWORKSHEETS